

SALAT SEPANJANG SEJARAH PARA ANBIYA'

oleh
Dr. Anisah Abd. Ghani

Abstract

*The article analyses the **salat**, which has being implemented for a long time ago. The differences between **salat** in the period of Holy Prophet Muhammad (p.b.u.h.) and the period of previous messengers are basically from time, methods and the number of rakaat.*

Pendahuluan

Salat adalah ibadat yang menghubungkan seseorang dengan Allah, membuktikan ketaatan dan kepatuhan serta tanda seseorang hamba sentiasa mengingatiNya. *Salat* juga mendidik jiwa seseorang mengerti hakikat ketaqwaan, ketenangan, kesabaran, tawakal dan jihad, yang mana Allah sahajalah menjadi tempat pengantungan yang optimum dalam semua urusan hidup.¹

Salat merupakan amalan yang asal dalam agama. Sebab itu ia merupakan sunnah yang mengiringi risalah-risalah langit. Allah S.W.T. mentaklifkan *salat* ke atas mereka yang dipilih memikul amanah *nubuwwah* dan risalah kerana *salat* dapat menghubungkan mereka secara langsung dengan Allah. Ia juga menjadi bekal kekuatan rohani dalam melaksanakan amanah yang besar itu. Taklifan *salat* ini bukan setakat untuk diri mereka sahaja, malah Allah mewasiatkan agar disampaikan kepada anak cucu dan juga kaum mereka. Nabi Ibrahim a.s. telah berdoa' kepada Allah supaya beliau dan anak cucunya beriltizam mendirikan *salat*. Permohonan itu telah dirakam dalam firman Allah;

رَبِّ اجْعَلْنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاءِ ﴿١٠٠﴾

"Wahai Tuhan! jadikanlah aku dan anak cucuku orang-orang yang tetap mendirikan *salat*. Wahai Tuhan kami! perkenankanlah do'a permohonanku."²

¹ Hasan al-Turabi (Dr), *Al-Salah 'Imad al-Din*, (Kuwayt: Dar al-Qalam, 1974); hlm. 11

² Q., Ibrahim (14): 40

Salat Dalam Syariat Nabi-Nabi Dahulu

1. Pensyari'atan Salat

Allah S.W.T. telah mengutuskan para nabi bermula daripada Adam 'a.s. dan berakhir kepada Nabi Muhammad s.'a.w. yang membawa misi menegakkan konsep tauhid dan 'ubudiyah (pengabdian diri) kepada Allah Yang Esa. Sementara syari'at pula berubah di antara nabi-nabi mengikut realiti dan persekitaran kaum masing-masing. Namun begitu, ibadat *salat* telah disyari'atkan dalam setiap risalah nabi-nabi dahulu hingga ke zaman kini. Ibadat *salat* merupakan kefarduan amali pertama dalam setiap risalah, untuk *mentasdiq* (membenarkan) 'aqidah keimanan dan merealisasikan pengertian 'ubudiyah kepada Allah.³

Banyak ayat al-Qur'an dan al-Sunnah yang menjelaskan tentang *salat* sebagai satu ibadat yang telah disyariatkan dalam syariat nabi-nabi terdahulu. Antaranya ialah:

Nas-nas al-Qur'an

1. Firman Allah kepada nabi Ibrahim dan Isma'il 'a.s.:

... وَعَهْدَنَا إِلَىٰ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ أَن طَهِّرَا بَيْتِيَ لِلطَّائِفِينَ وَالْقَائِمِينَ وَالرُّكَّعِ
السُّجُودِ ﴿١٢٥﴾

"Kami telah perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Isma'il:
"Bersihkanlah rumahku untuk orang-orang yang bertawaf,
orang-orang yang hei'tikaf dan orang-orang yang ruku' dan
sujud."⁴

Ibn Kathir ketika menghuraikan tentang ayat di atas, menyatakan, ungkapan "ruku'" dan "sujud" yang terdapat dalam ayat tersebut bermaksud orang yang mendirikan *salat* kerana seseorang yang *salat* tentu sekali melakukan amalan *ruku'* dan *sujud*. Tafsiran yang sama juga dibuat oleh 'Abdullah b. 'Abbas, Ata dan Qatadah.⁵

³ Hassan al-Turabi, *op.cit.*, hlm. 11

⁴ Q., al-Baqarah (2): 125

⁵ 'Imad al-Din Abu al-Fida' Isma'il b Kathir (Ibn Kathir), *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. (Kaherah: Matba'ah Zahran (t.t.)), 1. hlm. 173

2. Firman Allah mengenai Nabi Ishaq dan Ya'qub 'a.s. :

وَجَعَلْنَاهُمْ أَيْمَةً يَهْتَدُونَ يَا مَرْيَمُ اقْنُتِي لِرَبِّكِ وَاسْمِعِي الْكَلِمَةَ وَأَطِيعِي أَوْحَيْنَا إِلَيْهِمْ فَعَلِ الْخَيْرَاتِ وَإِقَامَ الصَّلَاةِ
وَإِيتَاءَ الزَّكَاةِ وَكَانُوا لَنَا عَابِدِينَ ﴿٧٣﴾

"Kami telah menjadikan mereka itu (Ishaq dan Ya'qub) sebagai pemimpin yang memimpin (manusia kejalan yang benar) dengan perintah Kami dan telah Kami wahyukan kepada mereka mengerjakan kebajikan, mendirikan salat, menunaikan zakat dan hanya kepada Kamilah mereka selalu menyembah."⁶

3. Firman Allah mengenai nabi Isma'il 'a.s.:

وَاذْكُرْ فِي الْكِتَابِ إِسْمَاعِيلَ إِنَّهُ كَانَ صَادِقَ الْوَعْدِ وَكَانَ رَسُولًا نَبِيًّا ﴿٥٤﴾ وَكَانَ يَأْمُرُ أَهْلَهُ
بِالزَّكَاةِ وَكَانَ عِنْدَ رَبِّهِ مَرْضِيًّا ﴿٥٥﴾

"Ceritalah (Wahai Muhammad kepada mereka) kisah Nabi Isma'il (yang tersebut) di dalam al-Qur'an, sesungguhnya ia adalah benar menepati janji dan adalah seorang rasul dan nabi. Ia menyuruh ahli keluarganya mendirikan salat dan menunaikan zakat dan ia pula adalah seorang yang diredhai di sisi Tuhannya."⁷

Kedua-dua ayat di atas jelas menunjukkan bahawa salat telah disyariatkan dalam ajaran nabi Ibrahim, Isma'il, Ishaq dan Ya'qub.

4. Allah berfirman mengenai nabi Sulayman 'a.s.:

إِذْ عَرَضَ عَلَيْهِ بِالْعَشِيِّ الصَّافِنَاتُ الْكِبَادُ ﴿٣١﴾ فَقَالَ إِنِّي أَحْبَبْتُ حُبَّ الْخَيْرِ عَنْ ذِكْرِ
رَبِّي حَتَّى تَوَارَتْ بِالْحِجَابِ ﴿٣٢﴾

"(Ingatlah peristiwa) ketika dipertunjukkan kepadanya (nabi Sulayman) pada suatu petang sekumpulan kuda yang tenang di waktu berhenti dan pantas semasa berlari (kerana lekanya dengan pertunjukkan itu) maka ia berkata: "Sesungguhnya aku mengutamakan kesukaanku terhadap barang yang baik (kuda) lebih daripada mengingati Tuhan (beribadat kepadanya),

⁶ Q., al-Anbiya' (21): 73

⁷ Q., Maryam (19): 54-55

Tuhanku sehingga (matahari) melindungi dirinya dengan tirai malam."⁸

Mengikuti sesetengah ahli tafsir ungkapan "mengingati Tuhanku" dalam ayat di atas bermaksud *salat* 'Asar. Mereka berpendapat bahawa ayat ini menceritakan peristiwa yang berlaku kepada Nabi Sulayman. Beliau terlalu suka dan minat kuda. Oleh kerana terlalu asyik, beliau telah terluput menunaikan *salat* 'Asar.⁹ Ertinya *salat* memang telah disyariatkan kepada Nabi Sulayman 'a.s.

5. Nabi Allah Syu'ayb 'a.s. berpegang teguh dengan ibadat *salat* sebagai fenomena dakwah baru. Ia juga menjadi serta pendorong kepada nabi Syu'aib menasihati kaumnya, supaya menjauhi syirik yang diwarisi dan mengekang kezaliman ekonomi Allah berfirman:

قَالُوا يٰشُعَيْبُ اَصْلُوْنَا كَ تَأْمُرُكَ اَنْ تَتْرُكَ مَا يَتَّبِعُ ءَابَاؤُنَا اَوْ اَنْ نَفْعَلَ فِيْ
اَمْوَالِنَا مَا نَشَآءُوْا اِنَّكَ لَآنتَ اَلْحَلِيْمُ الرَّشِيْدُ ﴿٨٧﴾

"Mereka berkata: "Wahai Su'ayb apakah *salat*mu menyuruh kamu agar kami meninggalkan apa yang disembah oleh datuk nenek kami, atau melarang kami memperbuat apa yang kami kehendaki tentang harta kami. Sesungguhnya kamu adalah orang yang penyantun lagi berakal."¹⁰

6. Luqman al-Hakim menasihati anaknya agar mendirikan *salat*. Nasihat ini telah dirakamkan dalam firman Allah:

يٰبُنَيَّ اَقِمِ الصَّلَاةَ وَاْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَاَنْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَاَصْبِرْ عَلٰى مَا اَصَابَكَ اِنَّ ذٰلِكَ
مِنْ عَزْمِ الْاُمُوْرِ ﴿١٧﴾

"(Luqman berkata) Wahai anak kesayanganku dirikanlah *salat* dan suruhlah mengerjakan kebaikan dan cegahlah dari melakukan perbuatan yang mungkar dan bersabarlah atas apa yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu termasuk hal-hal yang diwajibkan (oleh Allah)."¹¹

⁸ Q., Sad (38): 31-32

⁹ Muhammad 'Ali al-Sabuni, *Mukhtasar Ibn Kathir*, (Beirut: Dar al-Quran al-Karim, 1981), III, hlm. 202

¹⁰ Q. Hud (11): 87

¹¹ Q., Luqman (31): 17

7. Allah berfirman mengenai nabi Zakariyya 'a.s. :

فَنَادَتْهُ الْمَلَائِكَةُ وَهُوَ قَائِمٌ يُصَلِّي فِي الْمِحْرَابِ أَنَّ اللَّهَ يُبَشِّرُكَ بِيَحْيَىٰ مُصَدِّقًا لِّكَلِمَةٍ
مِّنَ اللَّهِ وَسَيِّدًا وَحَصُورًا وَنَبِيًّا مِّنَ الصَّالِحِينَ ﴿٣٩﴾

"Kemudian Malaikat (Jibril) memanggil Zakariyya yang sedang mendirikan salat di Mihrab (katanya): "Sesungguhnya Allah mengembirakan kamu dengan kelahiran Yahya, yang akan membenarkan kalimat (yang datang) dari Allah, menjadi ketua dan juga akan menahan diri (dari pengaruh hawa nafsu) dan akan menjadi seorang nabi dari keturunan orang-orang soleh."¹²

8. Allah berfirman kepada nabi Musa 'a.s. :

إِنِّي أَنَا اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدْنِي وَأَقِمِ الصَّلَاةَ لِذِكْرِي ﴿١٦﴾

"Sesungguhnya Akulah Allah tidak ada tuhan selain dariku maka sembahlah akan Aku dan dirikanlah salat untuk mengingati Aku".¹³

9. Allah memerintahkan Nabi 'Isa 'a.s. supaya mendirikan *salat* selama beliau masih hidup. Firman Allah:

... وَأَوْصِنِي بِالصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ مَا دُمْتُ حَيًّا ﴿٣١﴾

"Dia (Allah memerintahkan kepadaku agar mendirikan salat dan menunaikan zakat selama aku hidup."¹⁴

Fakta dari ayat-ayat al-Qur'an di atas menjelaskan bahawa *salat* adalah ibadat paling awal yang disyariatkan sejak nabi-nabi dahulu lagi. Ia merupakan ibadat pertama yang bertujuan untuk merealisasikan keimanan kepada Allah di samping amalan-amalan yang lain.

Nas-nas al-sunnah

1. 'Abdullah b. 'Abbas meriwayatkan, bahawa RasulAllah s.'a.w. bersabda yang bermaksud:

"Jibril mengimamkan aku (Muhammad) di sisi ka'bah dua kali.
Dia (Jibril) mendirikan salat Zuhur bersama aku pada hari

¹² Q., Ali 'Imram (3): 39

¹³ Q., Taha (20): 14

¹⁴ Q., Maryam (19): 31

pertama semasa matahari gelincir. Dia mendirikan salat 'Asar bersamaku semasa bayang sesuatu menyamainya. Dia mendirikan salat Maghrib bersama aku semasa orang berpuasa membuka puasanya. Dia mendirikan salat 'isya bersamaku semasa syafaqa (mega merah) hilang. Dia mendirikan salat Subuh bersamaku semasa diharamkan makan dan minum ke atas orang berpuasa. Kemudian pada hari kedua pula, dia mendirikan salat Zuhur bersamaku semasa bayang sesuatu menyamainya. Dia mendirikan salat 'Asar bersamaku semasa bayang sesuatu menyamainya dua kali ganda. Dia mendirikan salat Maghrib bersama ku semasa orang berpuasa membuka puasanya. Dia mendirikan salat 'isya bersama ku semasa malam berlalu satu pertiga. Dia mendirikan salat Subuh semasa bumi sudah cerah. Kemudian Jibril berpaling kepada aku sambil berkata: "Hai Muhammad, waktu salat di antara kedua-dua waktu ini. Waktu ini juga waktu salat nabi-nabi sebelumnya."¹⁵

Ungkapan "waktu ini juga waktu salat nabi-nabi sebelum kamu" yang diucapkan oleh Jibril kepada nabi Muhammad s.'a.w. menunjukkan bahawa salat telah disyariatkan ke atas nabi-nabi yang terdahulu dari nabi Muhammad s.a.w.

2. Hadis *isra'* dan *mi'raj* (yang berlaku tiga atau lima tahun sebelum hijrah) yang panjang menjelaskan kefarduan salat kepada nabi Muhammad s.'a.w. sebanyak lima puluh kali. Secara ringkasnya nabi bersabda.

"Aku menemui Musa 'a.s., maka Musa berkata: Berapakan Allah memfardukan salat ke atasMu dan umatMu". Aku berkata: "Lima puluh kali salat. Musa berkata: Sesungguhnya engkau tidak mampu mendirikannya, kembalilah menemui tuhanMu serta mohonlah kepadaNya kekurangan. Aku kembali menemui Allah, maka Allah mengurangkannya sebanyak sepuluh kali. Aku datang menemui Musa, maka Musa menyuruh aku kembali lagi menemui Allah, lalu Allah mengurangkan sebanyak sepuluh kali kemudian dikurang sehingga lima kali. Musa berkata: "Kembalilah menemui Allah memohon agar dikurangkannya, sesungguhnya

¹⁵ Muhammad b. Idris al-Syafi'i, *Musnad al-Imam al-Syafi'i*, (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, (1.1)), hlm. 27

Allah memfardukan ke atas Bani Isra'il dua kali salat tetapi mereka tidak menunaikan kedua-duanya."¹⁶

Ternyata daripada ungkapan nabi Musa 'a.s. yang menyebut dalam hadis di atas dengan ungkapan kata-katanya "Sesungguhnya Allah memfardukan ke atas Bani Isra'il dua kali *salat*" yang diucapkan oleh Nabi Musa 'a.s kepada Nabi Muhammad menunjukkan bahawa *salat* telah disyariatkan ke atas Bani Isra'il.

Kesimpulannya, kenyataan daripada ayat-ayat al-Qur'an dan al-Sunnah di atas membuktikan bahawa *salat* adalah ibadat asal yang disyariatkan dalam risalah nabi-nabi terdahulu. Ini menggambarkan betapa pentingnya ibadat *salat* dalam mendidik manusia supaya menjadi umat yang *kamil* (sempurna) dan *syamil* (lengkap).

2. *Salat* Nabi-Nabi Dahulu

Perbincangan mengenai pensyariatian *salat* di atas membuktikan bahawa *salat* telah disyariatkan dalam risalah nabi-nabi terdahulu. Namun demikian, bentuk dan bilangan raka'at dan waktu-waktu *salat* dalam syariat nabi-nabi berkenaan merupakan persoalan yang masih samar-samar. Ia merupakan persoalan yang menarik untuk dikaji.

2.1 Waktu *Salat*

Mengenai waktu *salat*, terdapat hadis yang menjelaskan bahawa Jibril 'a.s mengajarkan Rasul Allah waktu-waktu *salat* seperti yang telah dijelaskan di atas. Jibril 'a.s seterusnya menjelaskan kepada Rasul Allah s.'a.w. bahawa waktu-waktu itulah juga yang menjadi waktu-waktu *salat* kepada nabi-nabi yang terdahulu.¹⁷

Hadis ini secara tidak langsung menjelaskan bahawa waktu-waktu di antara zuhur dan subuh adalah waktu *salat* bagi nabi-nabi terdahulu. Walau bagaimanapun dalam hadis tersebut tidak dijelaskan apakah nabi-nabi dahulu mendirikan *salat* lima waktu sama seperti Nabi Muhammad s.'a.w. Dalam hal ini, terdapat ada beberapa catatan yang menyebut mengenai perkara ini. Di antaranya ialah sebagaimana yang disebut oleh al-Iman al-Ramli dalam kitab *Nihayah al-Muhtaj*:

¹⁶ Abu 'Abd al-Rahman b. Syu'ayb al-Nasa'i, *Sunan al-Nasai*, (Kaherah: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi, 1964,) 1 hlm. 181.

¹⁷ Lihat, Supra, hlm.....

*"Salat subuh adalah untuk Nabi Adam, Zuhur adalah untuk Nabi Daud, 'Asar adalah untuk nabi Ya'qub dan 'Isya' adalah untuk Nabi Yunus"*¹⁸

Dalam catatan yang lain pula, al-Tahawi meriwayatkan bahawa al-Kasani pernah menyebut bahawa dia mendengar Abu 'Abd al-Rahman 'Abdullah b. Muhammad berkata:

"Sesungguhnya manakala Adam bertaubat daripada keaibannya ketika fajar, beliau salat dua raka'at, lalu dijadikan salat Subuh. Dikorbankan Ishaq 'a.s. ketika zuhur, maka Ibrahim 'a.s. mendirikan salat empat raka'at, lalu dijadikan waktu zuhur. Dibangkit 'Aziz 'a.s. dikatakan kepadanya, berapa lama engkau tinggal? Beliau berkata: "satu hari", lalu beliau melihat matahari, beliau berkata lagi: "atau setengah hari." Beliauupun salat empat raka'at, lalu dijadikan salat 'Asar. Dikatakan kepada 'Aziz 'a.s. dan Da'ud 'a.s.; keduanya diampun ketika Maghrib. Beliau (Da'ud) berdiri menunaikan salat empat raka'at, beliau memanjangkan ketika dalam raka'at ketiga, lalu dijadikan Maghrib tiga raka'at. Orang mendirikan salat 'isya' (waktu) yang akhir ialah Nabi kita Muhammad s. 'a.w."¹⁹

Catatan-catatan ini menjelaskan tentang waktu-waktu *salat* tertentu kepada nabi-nabi tertentu. *Salat* pula didirikan dalam waktu-waktu tertentu. Subuh didirikan dalam waktu fajar. Zuhur didirikan ketika matahari telah naik. 'Asar didirikan di akhir siang. Maghrib didirikan ketika waktu ghurub (jatuh matahari) dan 'isya didirikan di waktu malam.

Walau bagaimanapun, di antara tiga catatan ini, riwayat al-Tahawi yang menyebutkan bahawa *salat 'isya* adalah khusus kepada Nabi Muhammad s. 'a.w dan baginda adalah orang pertama menunaikannya adalah lebih sahih. Ini diperkuatkan oleh hadis riwayat Ibn Abi Syaybah dan Abu Daud daripada Muadh, RasulAllah s. 'a.w. bersabda:

¹⁸ Al-Ramli, Syams al-Din Muhammad b. Abi al-'Abbas Ibn Syihab al-Din, *Nihayah al-Muhtaj*. (Kaherah: Matba'ah Mustafa al-Babi 1938), I, hlm. 343

¹⁹ Ahmad b. Muhammad b. Salameh al-Azdi, (al-Tahawi), *Syarah Ma'ani al-Athar*., (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah (t.t.)), I, hlm. 175

*"Kamu lambatkanlah salat ini, ('isya) sesungguhnya kamu diberi kelebihan di antara seluruh umat dengannya. Umat sebelum kamu tidak mendirikan salat ini ('isya)."*²⁰

Sementara Abu Ja'far Muhammad b. Jarir al-Tabari menukilkan mengenai *salat* Nabi Ibrahim dan Isma'il 'a.s. dengan kata-kata berikut:

*"Ibrahim keluar bersama Isma'il pada hari al-Tarwiyyah (hari kelapan Dhu al-Hijjah) lalu beliau, Isma'il dan orang-orang Islam bersama-sama singgah di Mina. Beliau dan orang-orang Islam bersamanya mendirikan salat zuhur, 'asar, maghrib dan 'isya yang akhir. Kemudiannya beliau bermalam hingga Subuh. Beliau mendirikan salat fajar bersama-sama mereka."*²¹

Ternyata daripada catatan al-Tabari di atas, Nabi Ibrahim dan Isma'il serta pengikut-pengikutnya mendirikan *salat* lima waktu seperti *salat* Nabi Muhammad s.'a.w. dan umatNya. Kenyataan ini juga dikira tidak bercanggah dengan kenyataan al-Tahawi di atas yang menyebut bahawa *salat 'Isya'* adalah khusus kepada Nabi Muhammad s.'a.w. Ini kerana mengikut 'Ali al-Qari, ungkapan "umat sebelum kamu tidak mendirikan *salat 'isya'*" yang terdapat dalam hadis berkenaan, maksudnya Nabi-Nabi dahulu hanya mendirikan *salat 'isya'* sebagai *nafilah* (tambahan) untuk mendekati diri kepada Allah sahaja, bukan atas dasar ia diwajibkan ke atas mereka.²² Ini bererti *salat 'isya'* khusus kepada Muhammad s.'a.w. sebagai fardu.

Selain *salat* itu, catatan al-Tabari ini juga tidak dapat mempastikan apakah *salat* lima waktu yang didirikan oleh Ibrahim dan Ismail 'a.s. di Mina itu merupakan waktu *salat* yang mereka lakukan setiap hari. Tidak ditemui kenyataan lain yang menjelaskan demikian. Bagaimanapun, apa yang boleh diyakini ialah waktu *salat* Nabi Ibrahim dan Isma'il serta pengikutnya pada setiap hari kerana kalaulah ia bukan waktu *salat* mereka setiap hari sudah pasti mereka akan meninggalkannya pada saat-saat kesibukkan mereka mengerjakan ibadat.

Di samping *salat* yang dikhususkan untuk mereka, para nabi juga banyak mendirikan *salat* sebagai *tuqarrub* (mendekatkan diri) kepada Allah, terutamanya sekali ketika mereka menghadapi kesukaran atau cabaran dari pihak musuh.

²⁰ Abu Bakr 'Abdullah b. Muhammad b. Abi Syaybah (Ibn Abi Syaybah), *al-Musannaf fi al-Ahadith wa al-Athar*, (Beirut: dar al-Taj, 1989), I, hlm. 292

²¹ Abu Ja'afar Muhammad b. Jarir al-Tabari, *Tarikh al-Rasul wa al-Muluk*, (Kaherah: Dar al-Ma'arif, II, 1968), hlm. 262-262

²² Abu Tayyib Muhammad Syams al-Haq al-'Azim Abadi. *Awn al-Ma'abud Syarh Sunan Abi Dawud*, (Beirut: Dar al-Fikr, 1979), I, hlm 90

Misalnya Nabi Salih 'a.s. yang mendirikan *salat* serta berdo'a kepada Allah, ketika beliau dicabar oleh kaumnya supaya menukarkan seketul batu menjadi anak unta betina. Dengan keyakinan kepada Allah, beliau menyahut cabaran tersebut. Beliau mengambil seketul batu, kemudian mendirikan *salat* dan berdoa kepada Allah. Dengan kekuasaan Allah, tiba-tiba batu tersebut bertukar menjadi seekor anak unta betina. Melihat kejadian itu, ketua kaum dan pembesarnya beriman kepada Allah.²³

Begitu juga dengan nabi Ibrahim 'a.s. Beliau berdiri menunaikan *salat* ketika Fir'aun meminta beliau menyerahkan isteriNya Sarah kepadanya. Beliau tidak putus-putus mendirikan *salat* sehingga beliau merasai isterinya Sarah berada di sampingnya.²⁴

Catatan yang disebutkan di atas hanya menjelaskan *salat* tertentu yang dikhususkan untuk nabi tertentu. Ia didirikan dalam waktu-waktu tertentu. Sementara itu, nabi Ibrahim dan Isma'il 'a.s, mendirikan kelima-lima *salat* tersebut, di samping *salat-salat* yang lain untuk menguatkan lagi keimanan dan keyakinan kepada Allah ketika berhadapan dengan tekanan atau cabaran musuh-musuh Allah.

2.2. Bentuk dan Raka'at *Salat*.

Tidak ditemui kenyataan detail tentang bentuk-bentuk dan bilangan rakaat *salat* yang didirikan oleh Nabi-Nabi dahulu, seperti detailnya kenyataan tentang bentuk dan bilangan rakaat *salat* yang didirikan oleh nabi Muhammad s,'a.w. Bagaimanapun, al-Qur'an dalam surah al-Baqarah ayat 125²⁵ menjelaskan bahawa Nabi Ibrahim dan Ismail mendirikan *salat* dengan melakukan perbuatan ruku' dan sujud. Begitu juga dengan surah Ali Imran ayat 43²⁶ yang menjelaskan bahawa Maryam mendirikan *salat* dengan melakukan sujud dan ruku'. Di samping perbuatan ruku', Nabi Ibrahim juga berdiri ketika menunaikan *salat* sebagaimana yang dijelaskan dalam kisahnya dengan Fir'aun di atas.

²³ 'Izz al-Din Abi al-Hassan 'Ali b. Abi al-Karim al-Syaybani (Ibn al-Athir), *al-Kamil fi al-Tarikh*, (Beirut: Dar Sadir, 1979), I, hlm. 89-90

²⁴ *Ibid.*, hlm. 101

²⁵ Firman Allah, maksudnya: "Kami telah perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Isma'il: Bersihkanlah rumahku untuk orang-orang yang bertawaf, yang beri'tikaf dan orang-orang yang ruku'dan sujud."

²⁶ Firman Allah, maksudnya: "Wahai Maryam, Ta'atlah kepada Tuhanmu, sujud dan ruku'lah bersama orang-orang yang ruku'"

Kesimpulan

Kesimpulannya, berdiri, *ruku'* dan *sujud* adalah di antara perbuatan *salat* nabi-nabi dahulu. Walaupun catatan hanya didapati dalam kisah Maryam, Ibrahim dan Ismail sahaja, namun boleh diyakini bahawa inilah sifat *salat* nabi-nabi terdahulu. Ini kerana hakikat ibadat itu sendiri ialah untuk mengabdikan serta merendahkan diri kepada Allah.²⁷ Ia ditunjukkan secara perbuatan melalui amalan berdiri, *ruku'* dan *sujud*. Oleh itu perbuatan-perbuatan inilah yang melambangkan kerendahan diri dan ketaatan kepada Allah Yang Maha Agung.

Mengenai qiblat Nabi-nabi terdahulu ketika mendirikan *salat*, ada sesetengah riwayat mengatakan bahawa mereka semua menghadap ke arah ka'abah.²⁸ Dalam sesetengah riwayat yang lain pula mengatakan bahawa Nabi Musa 'a.s. *salat* menghadap ke arah bayt al-Maqdis.²⁹

²⁷ Yusuf al-Qardawi (Dr), *Al-'Ibadat fi al-Islam*, (Beirut: Mua'assasah al-Risalah, 1979), hlm/ 27-28

²⁸ Muhammad b. Ahmad al-Ansari (al-Qurtubi), *Al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an*, (Beirut: Dar al-Kitab, 1967), I, hlm. 151

²⁹ *Ibid.*

